



**KERJASAMA:** Raman (kiri) dan Siti (kanan) saling bertukar dokumen Lol.

# UMS tandatangan Lol bersama CILTM

UB 25.9.2019 15  
Oleh Yap Siong Han

**FAKULTI** Perniagaan, Ekonomi dan Perakauan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani satu surat niat (LoI) bersama The Chartered Institute of Logistics and Transport Malaysia (CILTM), di Kota Kinabalu kelmarin.

Majlis menandatangani kerjasama itu menyaksikan UMS diwakili Dekan FPEP Prof Madya Dr Raman Noordin manakala CILTM diwakili Pengerusi Siti Noraishah Azizan.

Majlis bersejarah bertempat di Dewan Kuliah Pusat 1 UMS itu turut disaksikan kira-kira 100 warga FPEP.

Terdahulu dalam ucapannya, Raman berkata LoI itu merangkumi kerjasama dalam mengenal pasti dan meneroka pembangunan yang berpotensi dalam kemajuan sektor logistik serta pengangkutan di Sabah.

Katanya, UMS dan

CILTM juga akan bekerjasama dalam penyebaran pengetahuan dan pendidikan dengan menganjurkan acara, aktiviti, seminar dan kuliah.

“Antaranya, termasuklah memajukan peruntukan pensijilan profesional berkaitan logistik terutamanya CILT Professional Qualifying Examination (PQE) CILTM.

“Kerjasama ini juga membolehkan pengembangan sumber data UMS berkaitan logistik di Sabah sebagai rujukan bagi tujuan aktiviti akademik,” katanya.

Raman turut berterima kasih di atas LoI yang dijalinkan dan berharap ia akan membawa kepada permeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara kedua belah pihak pada masa akan datang.

Hadir sama pada majlis itu, Ketua Program Perniagaan Antarabangsa Dr Sidah Idris dan Pengerusi Kanan FPEP Dr Ariff Kamisan Pusiran.